

# 'Kami usaha baik pulih'

**Kuala Lumpur:** "Kami akan berusaha mendapatkan kebenaran dan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membaik pulih kawasan ini dan mengembalikan fungsinya seperti dulu," kata Ahli Lembaga Penasihat DBKL, P Gunaseelan.

Ketika diminta menjelaskan mengenai Taman Rekreasi Sungai Bunus yang dibiarkan tanpa penjagaan dan diselenggarakan dengan baik sejak empat tahun lalu, Gunaseelan berkata, pihaknya memandang serius perkara itu dan akan melakukan proses baik pulih dengan segera.

"Perkara ini sudah lama dibincangkan. Malah, keadaan kawasan ini yang terbiar dan dipenuhi semak-samun serta membahayakan penduduk juga sampai kepada perhatian kami. Justeru, saya akan segera memaklumkan pihak berkaitan bagi menjalankan proses baik pulih.

"Beberapa kejadian tidak diingini juga berlaku seperti ragut dan pelbagai jenayah lain. Sebab itu, kawasan rekreasi ini perlu dibersihkan segera," katanya.


Gunaseelan berkata, dianggarkan RM300,000 diperlukan bagi membaik pulih dan mengindahkan semula kawasan itu.

Katanya, taman rekreasi seperti ini perlu dijaga, lebih-lebih lagi kurang kemudahan taman di sekitar ibu kota.

"Kiraan kasar akan membatikan kos banyak untuk membersihkan kawasan ini daripada semak-samun, membaik pulih peralatan permainan di taman rekreasi ini. Namun, ia tidak menjadi masalah asalkan ia dapat mengembalikan keindahan kawasan ini.

"Saya akan memastikan kawasan ini dijaga dengan baik kerana warga kota memerlukan taman rekreasi seperti ini untuk beriadah," katanya.

"Lagipun, kita sememangnya kekurangan kemudahan ini, jadi apa yang ada perlu dijaga untuk kesejahteraan penduduk sekitar selain mengelak jenayah berlaku," katanya.



GUNASEELAN

PERALATAN tidak terjaga dan dipenuhi semak samun.



SHAHRI

## 'Dulu syurga, kini neraka'

■ Taman Rekreasi Sungai Bunus terbiar



TAMAN rekreasi dipenuhi semak dan berbahaya kepada pengguna.

PINTU masuk taman rekreasi tidak dijaga dan kelihatan usang.



Oleh Firdaus Sahat  
firdaussahat@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**'D**ulu syurga, kini neraka'. Itu yang berlaku kepada Taman Rekreasi Sungai Bunus di Jalan Genting Klang, di sini, selepas hampir empat tahun terbiar tanpa penyelenggaraan pihak berwajib.

Daripada taman rekreasi penduduk sekitar, taman itu kini menjadi 'port' penagih dadah dan pembiakan nyamuk Aedes selain mengundang pelbagai jenayah kerana lokasinya yang terlindung dengan semak-samun.

Tinjauan Metro Ahad mendapati, kegiatan vandalisme seolah-olah menjadi mainan individu tidak bertanggungjawab hingga menyebabkan kerosakan taman permainan.

Selain itu, pondok berehat terbiar usang manakala botol minuman keras kelihatan bersepah menjadi bukti kawasan pusat rekreasi ini menjadi 'rumah' kepada golongan tertentu.

Penduduk PPR Taman Sg Bunus, Mohd Shahril Azhari, 32, berkata, kawasan rekreasi yang dulu di-

bangunkan oleh Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur lapan tahun dulu, menjadi tempat beriadah ribuan penduduk di kawasan ini.

"Ketika kawasan ini baru dibangunkan, ramai penduduk melarikan masa membawa anak bermain di taman permainan dan beriadah. Malah, kawasan ini cantik dan selesa, lebih-lebih lagi senang dituju dan berada berhampiran jalan besar.

"Namun sejak beberapa tahun ini, ia seakan-akan tidak mendapat perhatian penduduk kerana keadaan taman yang semakin uzur, rosak dan tidak dijaga. Lalang menjadi semak dan menutup hampir keseluruhan kawasan ini daripada pandangan orang ramai," katanya.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan beberapa kejadian jenayah berlaku, antaranya kes ragut, dadah

dan vandalisme.

"Bila kawasan ini tidak dijaga dan menjadi kawasan terbiar, pasti ia menarik minat sesetengah golongan, antaranya penagih, gelandangan, kaki botol dan vandalisme.

"Malah, beberapa jenayah seperti ragut dan rompak juga sering berlaku di sini kerana penjenayah mensasarkan penganut agama Hindu berikutan taman ini terletak berdekatan kuil Hindu.

"Justeru, sebagai penduduk di sini, saya berharap taman ini dibangunkan semula supaya kami mempunyai kawasan rekreasi untuk beriadah selain mengelak pelbagai jenayah berlaku.

"Jika dibiarkan berterusan seperti ini, saya khuatir pelbagai jenayah lebih berat akan berlaku, antaranya rogol dan culik, kerana tempat itu terlindung daripada pandangan orang ramai," katanya.



SAMPAH sarap terbiar menjadi kawasan pembiakan nyamuk.